

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(X)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN  
YB. GOH CHOON AIK**

7. Kesesakan lalu lintas di Jalan Bukit Tambun, Jalan Paboi dan Jalan Kendi semakin runcing.
  - (a) Adakah satu kajian impak lalu lintas terperinci telah dijalankan?
  - (b) Apakah tindakan komprehensif yang telah dirancang dan bilakah pelaksanaannya?
  - (c) Adakah plaza tol Bukit Tambun sedia ada akan dipindah atau dinaik taraf?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

7. (a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan *Penang Development Corporation* (PDC) telah menjalankan satu kajian impak lalu lintas terperinci bagi menangani isu kesesakan lalu lintas di Jalan Bukit Tambun, Jalan Paboi dan Jalan Kendi.
- (b) Tindakan komprehensif yang telah dirancang dan pelaksanaan kajian di atas adalah seperti berikut:
  - (i) Cadangan *greenwave* di Jalan Bukit Tambun dari persimpangan *Penang Science Park* hingga persimpangan Jalan Tambun Indah. Pelaksanaan dijangka siap pada Disember 2018;

- (ii) Cadangan pelebaran Jalan Paboi. Pada masa kini, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) telah membuat permohonan untuk melakukan kerja-kerja *survey* bagi menaik taraf Jalan Paboi;
  - (iii) Cadangan pelebaran Jalan Bukit Tambun. Projek sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada Disember 2018;
  - (iv) Cadangan pelebaran Jambatan Batu Kawan. Projek ini masih dalam perancangan dan dijangka siap pada suku pertama tahun 2020;
  - (v) Cadangan penutupan jalan di persimpangan Jalan Bukit Tambun dengan Taman Tambun Emas bagi melancarkan aliran trafik. Pelaksanaan cadangan akan dimulakan pada November 2018; dan
  - (vi) Cadangan Dilarang Belok Kanan dari Tol Bukit Tambun Utara ke arah Penang Science Park bagi melancarkan aliran trafik. Pelaksanaan cadangan akan dimulakan pada Januari 2019.
- (c) Merujuk kepada kajian Pelan Induk Lalu lintas Bandar Cassia, Plaza Tol Bukit Tambun sedia ada akan dinaik taraf kepada Plaza Tol untuk ke arah Utara sahaja manakala untuk ke arah Selatan, terdapat cadangan pembinaan plaza tol baru di antara plaza tol Bukit Tambun dengan Jambatan Kedua. Perkara ini akan diteliti bersama-sama pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia.